

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Kluster import babit lapan kru kapal kargo

PUTRAJAYA – Kluster import membabitkan kru kapal kargo antara lima kluster baharu dikenal pasti semalam serta menyumbang kepada 1,448 kes harian negara.


Jumlah itu menjadikan sebanyak 317,717 kes positif Covid-19, manakala kes sembuh pula kekal mengatasi kes harian lima hari berturut-turut dengan 2,137 kes menjadikan kumulatif kes sembuh adalah 298,516.

Selangor melaporkan kes tertinggi sebanyak 561 kes dengan 484 kes daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat yang aktif dijalankan di lapangan, diikuti oleh Johor (273 kes) dan Sarawak (199 kes).

Terdapat lima kematian di Selangor, Johor, Melaka dan Sabah membabitkan empat lelaki dan seorang wanita berusia antara 43 hingga 72 tahun menjadikan sebanyak 1,191 kes kematian Covid-19 di Malaysia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, 59 kluster merekodkan pertambahan kes dengan peningkatan tertinggi melibatkan Kluster Tapak Bina Jalan Zamrud (151 kes), Kluster Parit Penyengat Darat (123 kes) dan Kluster Jalan Changkat Jong (49 kes).

Menurutnya, lima kluster ba-



haru yang dikenal pasti membabitkan dua kluster berkaitan tempat kerja, dua kluster berkaitan komuniti dan satu kluster import.

"Kluster import tersebut iaitu Kluster Pona dikesan di Johor Bahru, Johor dengan lapan kes hasil saringan sebelum ke luar negara serta melibatkan kru sebuah kapal kargo yang berlabuh di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor Bahru pada 6 Mac.

"Kapal kargo ini mempunyai

sejarah perjalanan dari Surabaya, Indonesia," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, dua kluster komuniti ialah Kluster Sungai Puteh di Hulu Langat, Selangor dengan 21 kes iaitu kes indeks bergejala serta nama kluster merujuk lokaliti kediaman kes indeks di Kampung Bukit Puteh, Sungai Puteh, Lembah Jaya Utara, Hulu Langat.

Ujarnya, Kluster Melor di Pusa, Sarawak dengan 14 kes iaitu kes indeks bergejala, manakala nama kluster merujuk lokaliti penularan kes di Lorong Melor, Kampung Tengah Beladin, Pusa.

Noor Hisham berkata, kluster tempat kerja yang dikenal pasti ialah Kluster Dagang Permai di Hulu Langat dengan 16 kes hasil saringan bersasar pengawal keselamatan dan pekerja sebuah pasar raya di Taman Dagang Permai, Ampang, Hulu Langat.

"Selain itu, Kluster Parit Penyengat Darat di Muar, Johor dengan 124 kes hasil saringan bersasar pekerja sebuah kilang di Kawasan Perindustrian Parit Jamil, Muar. Nama kluster merujuk lokaliti asrama pekerja kilang tersebut di Parit Penyengat Darat, Muar," katanya.

Katanya, 13 kluster tamat se-

malam iaitu Kluster Dialisis Batu, Kluster Intan Mas, Kluster Kampung, Kluster Tapak Bina Jalan Nipah, Kluster Sri Gading, Kluster Jalan Ithnin, Kluster Padas Damit, Kluster Kampung Samin, Kluster Seri Bayu, Kluster Industri Grisek, Kluster Jalan Suasa, Kluster Kampung Lukut dan Kluster Jalan Satu KKIP menjadikan sebanyak 768 kluster ditamatkan.

Sementara itu, beliau berkata, tarikh 10 Mac telah diisytiharkan sebagai Hari Pembantu Perubatan dan tahun ini merupakan tahun ke-10 sambutan diraikan di seluruh negara dengan tema 'Bersama Pembantu Perubatan Memerangi Covid-19'.

"Sebagai salah satu profesion di barisan hadapan dalam perkhidmatan kesihatan negara ini, peranan Penolong Pegawai Perubatan sangat penting bagi memastikan kesihatan rakyat terjaga dan rakyat mendapat perkhidmatan terbaik daripada mereka.

"Justeru semoga kumpulan profesion ini dapat terus memainkan peranan penting serta bekerjasama sebagai sebuah pasukan bersama dengan profesion perubatan yang lain khususnya dalam membendung wabak Covid-19 di negara," ujarnya.